



MEMO PERHUBUNGAN

Bahagian Pengurusan
Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Kepada : Timbalan Ketua Pendaftar
Pendaftar Mahkamah Rayuan
Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya
Timbalan Pendaftar
Pejabat Pendaftaran Mahkamah Persekutuan
Ketua Bahagian Pentadbiran Kehakiman
Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat
Timbalan Pengarah (Kewangan)
Ketua Penolong Pengarah (Sumber Manusia)
Ketua Penolong Pengarah (Khidmat Pengurusan)
Ketua Penolong Pengarah (Pembangunan Operasi)
Ketua Unit Perpustakaan
Ketua Bahagian Sijil Amalan
Ketua Bahagian Pesuruhjaya Sumpah
Setiausaha Kepada Hakim Mahkamah Persekutuan
Setiausaha Kepada Hakim Mahkamah Rayuan

Daripada : Timbalan Pengarah Pengurusan

Salinan Kepada : Y.Bhg. Dato' Ketua Pendaftar
Pengarah Pengurusan
Pegawai Khas I Kepada YAA Ketua Hakim Negara



Pegawai Khas I Kepada YAA Presiden Mahkamah Rayuan

Pegawai Khas I Kepada YAA Hakim Besar Malaya

Penolong Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
(Untuk persiapan kakitangan bertugas di Kaunter Unit Keselamatan bagi urusan di atas. Terima kasih)

Fail Timbul

Tarikh : 1 Mac 2012

PERKARA : EDARAN PELEKAT KERETA/MOTOSIKAL BAGI TAHUN 2012/2013 UNTUK KEGUNAAN WARGA PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA

Y.Bhg. Dato'/Datin/tuan/puan,

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia telah mencetak pelekat kenderaan baru bagi tahun **2012/2013** untuk kegunaan pegawai/staf Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia bagi urusan keluar/masuk dan meletak kenderaan di tempat meletak kereta di Istana Kehakiman. Oleh yang demikian, Y.Bhg. Dato'/Datin/tuan/puan diminta memaklumkan kepada warga di bawah pentadbiran Y.Bhg. Dato'/Datin/tuan/puan untuk menukar pelekat kenderaan lama kepada pelekat kenderaan baru bagi tahun 2012/2013 mulai 1 Mac 2012 dan merujuk kepada tatacara pemakaian pelekat seperti Edaran Pekeliling Pejabat Ketua Pendaftar Bil. 1/2012 yang dilampirkan bersama-sama ini.

3. Kerjasama Y.Bhg. Dato'/Datin/tuan/puan dalam perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.


(ZAMRI BIN MISMAN)

PEKELILING PEJABAT KETUA PENDAFTAR BIL. 1/2012

PELAKSANAAN PENGGUNAAN PELEKAT KENDERAAN (KERETA DAN MOTOSIKAL) UNTUK WARGA PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA, ISTANA KEHAKIMAN, PUTRAJAYA

1. TUJUAN

- 1.1 Untuk kegunaan warga Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia bagi urusan keluar/masuk serta meletak kenderaan kereta dan motosikal di tempat meletak kereta dan motosikal di Istana Kehakiman.
- 1.2 Ia juga bagi mengelakkan orang luar atau bukan warga Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia memasuki kawasan meletak kereta di Istana Kehakiman tanpa kebenaran.

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Istana Kehakiman adalah merupakan sebuah bangunan dan kawasan yang mempunyai tahap keselamatan yang tinggi kerana menguruskan perbicaraan bagi kes-kes diperingkat rayuan dan persekutuan serta berprofil tinggi dan juga mengendalikan perbicaraan kes-kes khas.
- 2.2 Semua kenderaan yang keluar masuk atau diletakkan di tempat meletak kereta di Bangunan Istana Kehakiman hendaklah dipantau.
- 2.3 Sehubungan itu, bagi memastikan pergerakan keluar masuk kenderaan persendirian warga Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia, maka semua warga Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan dikehendaki menggunakan pelekat kenderaan yang disediakan untuk keluar masuk atau meletak kenderaan di lot tempat meletak kereta dan motosikal yang disediakan untuk kakitangan Mahkamah.

3. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 3.1 Pelekat kenderaan ini hanya diberikan kepada warga Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia sahaja.
- 3.2 Bagi kenderaan rasmi pegawai/hakim dari Jusa C dan ke atas yang disediakan oleh Kerajaan, **tidak dibenarkan** memohon pelekat kenderaan tersebut termasuk Pemandu Hakim.
- 3.3 Setiap warga Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia hanya layak memohon **satu (1)** pelekat kenderaan sahaja.

3.4 Permohonan hendaklah menggunakan borang yang disediakan.

3.5 Pelekat kenderaan tambahan adalah **tidak dibenarkan** walaupun mempunyai kenderaan lain untuk memasuki tempat meletak kenderaan di Istana Kehakiman.

4. **PERATURAN MEMOHON**

4.1 Permohonan pelekat kenderaan ini boleh dibuat menggunakan borang yang boleh didapati di Sub-Unit Keselamatan, Seksyen Khidmat Pengurusan, Aras LG (Tengah) Istana Kehakiman.


4.2 Permohonan hendaklah mendapat kelulusan Ketua Bahagian/Penyelia terlebih dahulu.

5. **PERATURAN KEHILANGAN**

5.1 Sekiranya berlaku kehilangan pelekat kenderaan (kereta/motosikal), pengguna hendaklah membuat laporan polis atau membuat akuan sumpah bagi membuktikan pelekat kenderaan tersebut hilang sebelum mendapatkan penggantian semula.

6. **TARIKH KUATKUASA PENGGUNAAN**

Penggunaan pelekat kenderaan bagi kereta dan motosikal ini berkuatkuasa mulai **1 Mac 2012**.



(DATO' HASHIM BIN HAMZAH)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia

Tarikh : 1 Mac 2012